



21 Disember 2012
21 December 2012
P.U. (A) 458

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA (URUS NIAGA PERDAGANGAN ELEKTRONIK) 2012

CONSUMER PROTECTION (ELECTRONIC TRADE TRANSACTIONS) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA (URUS NIAGA PERDAGANGAN ELEKTRONIK) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 150(2)(a) Akta Pelindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“pasar dalam talian” ertinya tapak web di mana barang atau perkhidmatan dipasarkan oleh pihak ketiga bagi maksud perdagangan;

“pengendali pasar dalam talian” ertinya seseorang yang menyediakan pasar dalam talian.

Pendedahan maklumat

3. (1) Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan bagi maksud pembekalan barang atau perkhidmatan melalui tapak web atau dalam pasar dalam talian hendaklah mendedahkan maklumat yang dinyatakan dalam Jadual pada tapak web di mana perniagaan dijalankan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang menzahirkan atau memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual yang diketahuinya atau dia ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, melakukan suatu kesalahan.

Pembetulan kesilapan dan pengakuterimaan

4. (1) Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan bagi maksud membekalkan barang atau perkhidmatan melalui tapak web atau dalam pasar dalam talian—

(a) hendaklah menyediakan cara yang sesuai bagi membolehkan pembeli untuk membetulkan apa-apa kesilapan sebelum pengesahan pesanan yang dibuat oleh pembeli; dan

(b) hendaklah mengaku terima pesanan kepada pembeli tanpa kelengahan tidak wajar.

(2) Pesanan dan pengakuterimaan hendaklah disifatkan telah diterima oleh orang yang menjalankan perniagaan bagi maksud membekalkan barang atau perkhidmatan melalui tapak web atau dalam pasar dalam talian dan pembeli, masing-masing, apabila orang itu atau pembeli boleh mencapai pesanan dan pengakuterimaan itu.

Penyenggaraan rekod

5. (1) Mana-mana pengendali pasar dalam talian hendaklah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan dan menyenggara suatu rekod nama, nombor telefon dan alamat orang yang membekalkan barang atau perkhidmatan dalam pasar dalam talian, bagi tempoh dua tahun.

(2) Mana-mana pengendali pasar dalam talian yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.